



31 JUL, 2023

## Larian amal cari dana 'rak makanan'

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Larian amal cari dana 'rak makanan'

**Machang:** Kewujudan rak makanan yang diperkenalkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Machang sejak 2016 ternyata membawa manfaat besar buat pelajar yang memerlukan.

Program itu dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Diploma Pengajian Perbankan UiTM Cawangan

Kelantan iaitu D'Banquers dengan kerjasama Bizmart Books and Such.

Rak makanan berkenaan diletakkan di Pusat Pelajar, UiTM Machang dan terbuka kepada semua pelajar untuk memperoleh pelbagai makanan kering dan minuman.

Penasihat Persatuan D'Banquers, Putra Faizurrahman Zahid, berkata program itu digerakkan dengan konsep percuma kepada pelajar tidak berkemampuan.

"Justeru, ia boleh dianggap sebagai 'penyelamat' buat pelajar yang kesempitan wang sekali gus mereka tidak perlu lagi mencatu makan.

"Kos keseluruhan dibiaya pengurusan Bizmart Books and Such, namun untuk penambahan stok makanan dari semasa ke semasa, pelbagai inisiatif dijalankan termasuk mengadakan program bagi mengumpul dana," katanya.

Susulan itu, Putra Faizurrahman berkata, minggu lalu larian amal diadakan membatik 257

peserta bagi mengumpul dana.

Setiap penyertaan katanya, dikenakan bayaran RM36 dengan RM5 disalurkan kepada tabung dana untuk pembelian stok baharu.

Putra Faizurrahman berkata, selain menyediakan bekalan makanan kepada pelajar kurang mampu terdapat juga pelajar yang membuat pembelian secara tunai selain ada juga membayar secara ansuran.

Katanya, ia bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri. Namun setiap kali penambahan stok makanan baharu dibuat, didapati hanya 40 peratus pelajar sahaja mengambil secara percuma. Selebihnya mengambil makanan secara belian tunai atau ansuran.

"Kami ada juga tabung kebajikan pelajar tapi tidaklah selalu dapat disumbangkan kepada penuntut sasaran.

"Jadi apabila diperkenalkan rak makanan ini, sekurang-kurangnya walaupun mereka tiada duit tapi masih ada makanan untuk mengalas perut," katanya.



Sudut jualan D'Banquers dengan konsep percuma kepada pelajar tidak berkemampuan.



31 JUL, 2023

## Larian amal cari dana `rak makanan`

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Machang: Kewujudan rak makanan yang diperkenalkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Machang sejak 2016 ternyata membawa manfaat besar buat pelajar yang memerlukan. Program itu dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Diploma Pengajian Perbankan UiTM Cawangan

Sudut jualan D'Banquers dengan konsep percuma kepada pelajar tidak berkemampuan.

Kelantan iaitu D'Banquers dengan kerjasama Bizmart Books and Such. Rak makanan berkenaan diletakkan di Pusat Pelajar, UiTM Machang dan terbuka kepada semua pelajar untuk memperoleh pelbagai makanan kering dan minuman.